

## BAB V

### KESIMPULAN DAN SARANAN-SARANAN

#### 5.1. KESIMPULAN

Berdasarkan kepada huraian-huraian terdahulu, maka dapat disimpulkan seperti berikut:

- a. Ditinjau dari segi keterasingannya, maka masyarakat terasing suku Talang Mamak yang menjadi sasaran kajian ini dapat dikelompokan ke dalam dua bahagian, iaitu:
  1. Semi terasing, iaitu mereka yang kawasan pemukimannya agak berhampiran dengan bandar kecamatan. Mereka sudah mengenal pendidikan sekolah, walaupun sangat terhad. Mereka sudah mengenal alat transport seperti basikal dan motor sikal, sudah mengenal alat tukar wang. Mereka sudah dikunjungi oleh para pendakwah dan missionari Kristian. Sungguhpun demikian, mereka tetap belum mahu meninggalkan adat dan tradisi mereka yang berfahaman animisme dan dinamisme.
  2. Terasing murni, iaitu mereka yang kawasan pemukimannya jauh dari bandar kecamatan. Mereka sukar untuk keluar daripada kawasan pemukimannya, begitu juga orang luar sukar mengunjungi mereka, kerana mereka tinggal di tengah-tengah hutan. Satu-satunya cara untuk keluar atau masuk ke kawasan pemukiman mereka adalah

dengan berjalan kaki. Pergaulan mereka dengan masyarakat Melayu sekitarnya sangat terhad, mereka belum mengenal pendidikan sekolah. Kepercayaan terhadap sesuatu agama belum tumbuh, kerana para pendakwah dan missionari Kristian jarang yang berkunjung ke kawasan pemukiman mereka. Mereka masih mempercayai fahaman animisme dan dinamisme yang mereka terima dari nenek moyang secara turun temurun.

b. Batin mempunyai peranan yang sangat penting dalam kehidupan sosial masyarakat terasing suku Talang Mamak yang menjadi sasaran kajian ini. Mereka menganggap kehadiran seorang Batin adalah:

1. Merupakan keturunan dari tokoh adat.
2. Menguasai seluk beluk adat istiadat.
3. Menguasai asal usul segala mitos, sebagai penghubung antara dunia luar dengan alam gaib dan kadang-kadang bertindak sebagai Bomo.
4. Sebagai petinggi hukum yang boleh membuat keputusan dalam suatu pergaduhan yang terjadi ditengah-tengah masyarakat.

c. Adat dan tradisi yang telah mereka terima dari nenek moyang secara turun temurun, dipandang sebagai panduan hidup yang sempurna. Meskipun pada sebahagian kecil masyarakat terasing suku Talang Mamak, sistem nilai tersebut sudah mulai berubah sedikit demi sedikit.

- d. Pelaksanaan dakwah Islam pada masyarakat terasing suku Talang Mamak yang menjadi sasaran kajian ini, belum berjalan dengan baik. Hal ini terlihat dari hasil yang diperolehi dakwah Islam yang sedia ada belum memberangsangkan.
- e. Masyarakat terasing suku Talang Mamak, tidak bersikap menentang terhadap kehadiran dakwah Islam di kawasan pemukiman mereka, tetapi juga tidak menyokong dakwah berkenaan dengan sepenuh hati. Hal ini disebabkan kerana secara histori masyarakat terasing suku Talang Mamak ini pernah berada di bawah kekuasaan Kerajaan Indragiri, yang rakyat dan pemerintahannya sudah memakai Islam sebagai asasnya.
- f. Faktor-faktor yang boleh mempercepat pelaksanaan dakwah Islam kepada masyarakat terasing suku Talang Mamak, adalah seperti berikut:
1. Adanya sikap toleransi dari masyarakat terasing suku Talang Mamak terhadap kehadiran dakwah Islam.
  2. Adanya persamaan antara adat dan tradisi yang hidup dan berkembang di tengah-tengah masyarakat terasing suku Talang Mamak dengan ajaran Islam.
  3. Masyarakat terasing suku Talang Mama sudah biasa berinteraksi dengan masyarakat Melayu sekitarnya yang beragama Islam, khususnya masyarakat terasing yang kawasan pemukimannya agak

berhampiran dengan bandar kecamatan. Hal ini memudahkan bagi para pendakwah untuk memahami bahasa yang digunakan oleh masyarakat sebagai sasaran dakwah.

g. Sedangkan faktor-faktor yang boleh melambatkan pelaksanaan dakwah kepada masyarakat terasing suku Talang Mamak, adalah seperti berikut:

1. Masyarakat terasing suku Talang Mamak, masih berusaha sedaya upaya untuk mempertahankan adat dan tradisi yang telah mereka terima dari nenek moyang secara turun temurun.
2. Kawasan pemukiman masyarakat terasing suku Talang Mamak ini sangat jauh dari bandar kecamatan, sehingga sukar dijangkau oleh para pendakwah. Apalagi jalan-jalan yang menghubungkan antara satu kawasan pemukiman dengan lainnya hanya boleh dilalui dengan berjalan kaki.
3. Terhadnya dana (wang) dakwah yang tersedia, sehingga para pendakwah yang datang ke kawasan pemukiman masyarakat terasing suku Talang Mamak ini, belum melaksanakan tugasnya secara maksima.

## 5.2. SARANAN-SARANAN

Mengakhiri tulisan ini, penulis ingin menyampaikan beberapa saranan yang dijangkakan dapat membantu suksesnya pelaksanaan dakwah Islam

di masa hadapan. Selain itu, masyarakat terasing suku Talang Mamak yang menjadi sasaran kajian ini, dapat memperolehi dan menikmati hasil-hasil pembangunan yang sedang giat-giatnya dilaksanakan di kawasan ini. Adapun sarahan-saranan itu adalah seperti berikut:

- a. Kegiatan dakwah Islam kepada masyarakat terasing suku Talang Mamak ini perlu dilaksanakan secara terpadu. Untuk itu diharapkan agar semua institusi dakwah yang ada untuk ikut peduli terhadap pelaksanaan dakwah ini.
- b. Menindaklanjuti program pemukiman baru bagi masyarakat terasing suku Talang Mamak, agar mereka tidak selalu berasa tersisih dari kehidupan moden masa kini.
- c. Kepada institusi dakwah yang ada di Propinsi Riau, diharapkan untuk dapat mengirimkan para pendakwah yang berkemampuan ke kawasan pemukiman masyarakat terasing ini.
- d. Kepada para pendakwah yang bertugas di kawasan pemukiman masyarakat terasing suku Talang Mamak ini, diharapkan untuk selalu menambah ilmu pengetahuan psikologi dan sosiologi yang memadai, di samping pengetahuan agama yang memang harus mereka kuasai.

e. Kepada jabatan yang ada hubungkaitnya dalam usaha mengangkat taraf hidup warga masyarakat terasing suku Talang Mamak ini, agar menyusun program terpadu dan berkekalan. Jabatan-jabatan berkenaan adalah; Jabatan Sosial, Jabatan Agama, Jabatan Kehutanan, Jabatan Pertanian, Jabatan Kosihaton, Jabatan Pendidikan dan Kebudayaan, Jabatan Pekerjaan Umum (Jabatan Kerjanya) dan Jabatan Dalam Negeri (Kementerian Dalam Negeri).